

BUKTIKAN KEWIBAWAAN SEBENAR

Dalam dunia lembaga korporat, pelantikan pengarah bukanlah perkara remeh. Hanya mereka yang layak dan sesuai akan diutamakan.

> Sorotan
MSWG
Muka 6

> Tinjauan Mingguan
MSWG AGM/EGM
Muka 7

> Pengumuman
Khas
Muka 12

UJIAN KELAYAKAN YANG SESUAI UNTUK LEMBAGA PENGARAH

Nun di mercu tadbir urus korporat, tempat membuat keputusan yang membentuk empayar dan kekayaan yang turun naik umpama pusingan kewangan, pelantikan seorang pengarah ke penterana lembaga pengarah bukanlah permainan semata-mata. Ia melibatkan semangat, keberanian, strategi dan kebijaksanaan. Ibarat golongan bangsawan yang dahagakan kuasa yang sanggup bersaing untuk mendapatkan pengaruh dalam dinasti purba, mereka yang ingin mendapat tempat di meja lembaga syarikat awam tersenarai (PLC) perlu membuktikan bahawa merekalah orang yang dicari-cari kerana kriteria kelayakan yang sesuai adalah piawaian yang tegas.

Tonggak Sifat Amanah: Integriti dan Perwatakan

Dalam dunia korporat, reputasi adalah segala-galanya. Seorang pengarah bukan sahaja perlu memiliki nama yang baik malah perlu menepis segala bisikan dan khabar angin. Seperti seorang kesatria dalam perisai yang berkilat, integriti mereka ibarat suar yang dapat dilihat oleh semua orang. Sebarang kelemahan dalam perwatakan mereka boleh menghancurkan kepercayaan yang menjadi tiang seri kepada sesebuah institusi lembaga pengarah.

Oleh yang demikian, perkara pertama yang perlu dipegang oleh mereka ialah kejujuran kerana menyembunyikan kebenaran ibarat memperjudikan nasib syarikat. Mereka mestilah memiliki lembaran sejarah yang suci dan murni, ibarat penyata kewangan yang baru diaudit, tiada tanda ia dicemari oleh sebarang skandal. Inilah kriteria yang paling diutamakan oleh Tuan Pasaran iaitu para pemegang saham.

Ini mendedahkan tindakan kurang bijak sesetengah pengarah dalam PLC tempatan, meskipun mereka sudah diamanahkan dengan mandat yang besar. Kehadiran mereka tidak dirasai pada saat yang paling mendesak. Misalnya, mereka hadir di dalam dewan dengan persalinan dan sikap yang tidak layak untuk kedudukan mereka, atau lebih teruk lagi, tidak hadir dan sekadar memberikan bayangan dari jauh. Mereka menanggalkan mantel kepimpinan seolah-olah ia kain buruk yang tidak berharga. Perbuatan sambil lewa sebegini mencemarkan kehormatan dan maruah yang sepatutnya dijaga oleh mereka yang berada di kedudukan tinggi, sekaligus merungkaikan ikatan amanah yang menyandarkan mereka kepada jawatan yang dipegang.

Minda Seorang yang Bijak Pandai: Kecekapan dan Pengalaman

Kebijaksanaan seorang pengarah mestilah setanding dengan cendekiawan terbaik. Apakah gunanya pedang di tangan orang yang tidak tahu cara menggunakannya? Kecekapan ibarat perisai yang digunakan untuk melindungi syarikat daripada cabaran pasaran yang tidak menentu. Pengalaman pula seumpama perisai mereka, yang ditempa melalui peranan masa lalu dan diuji di medan berbentuk mesyuarat lembaga dan keputusan strategik. Mereka perlu membuktikan bahawa mereka pernah menghadapi cabaran korporat yang besar dan berjaya mengatasinya.

Dalam satu kebetulan yang menarik, beberapa tokoh yang dahulunya berkhidmat sebagai penjawat awam kanan kini dilantik ke dalam lembaga pengarah PLC seperti A Berhad, E Berhad dan S Berhad. Walaupun mereka telah berkhidmat dengan cemerlang kepada negara, kini mereka melangkah ke dunia PLC yang amat mementingkan pengetahuan tentang tadbir urus korporat. Pelantikan ini selalunya dibuat tanpa pengalaman terdahulu dalam bilik mesyuarat lembaga, menjadikan mereka belum diuji dalam membuat keputusan besar untuk syarikat.

Kedudukan mereka, yang diperoleh selepas bertahun-tahun berkhidmat kepada negara, selayaknya diberikan penghormatan dan sumbangan mereka dalam bidang lain juga tidak dapat disangkal. Namun, timbul persoalan, bolehkah pemimpin seperti ini, yang kurang arif dengan selok-belok pengurusan syarikat dan tadbir urus korporat, benar-benar mengemudi cabaran kepimpinan dunia korporat? Atau mungkin, pelantikan mereka sekadar simbolik semata-mata, tanpa makna yang tersirat, dalam arena yang amat mementingkan kebijaksanaan dalam tadbir urus korporat?

Tradisi Akauntabiliti: Tatakelola dan Kepimpinan

Seperti pemerintah daripada keluarga bangsawan, pengarah mestilah menjunjung tradisi iaitu peranan yang kukuh dalam tadbir urus. Mereka bukan sahaja bertanggungjawab sebagai pemimpin malah pengurus masa depan syarikat. Setiap keputusan yang dibuat oleh mereka, ibarat titah seorang raja yang bijaksana, mestilah pantas, mantap dan saksama.

Kriteria kelayakan yang sesuai ibarat sumpah yang suci. Seorang pengarah perlu menyatakan kesetiaan mereka kepada kod tadbir urus korporat, dengan meletakkan kepentingan syarikat melebihi kepentingan peribadi. Namun, penghormatan tanpa tindakan ternyata sia-sia. Seorang pengarah tidak boleh berpuas hati dengan hanya duduk goyang kaki, kerana sikap tidak bertindak boleh menjadi sama berbahaya seperti cita-cita yang tersilap.

Aspek tatakelola mereka mestilah mantap sebagai pemerintah yang mengurus wilayahnya dan dalam hal ini, mereka perlu bersikap tegas. Adakah mereka memastikan bahawa setiap orang di bawah pengawasan mereka mematuhi undang-undang atau adakah mereka membiarkan amalan rasuah berleluasa di peringkat akar umbi? Hanya mereka yang mempunyai keazaman dan jiwa seorang pemimpin yang berani mampu mengemudi bahtera syarikat mengharungi badai cabaran.

Bayangan Konflik dan Keseimbangan Kuasa: Kewaspadaan Pengarah

Pemimpin yang paling berpengalaman sekalipun boleh terjerat dalam konflik; pakatan yang menjadi perangkap, kesetiaan yang berubah menjadi belunggu. Seorang pengarah perlu sentiasa berwaspada kerana konflik kepentingan adalah seumpama belati yang tersembunyi, bersedia memutar belit keputusan dan mengaburi pertimbangan. Untuk berada dalam lembaga pengarah, seseorang perlu kekal bebas seperti penunggang

tunggal yang mandiri. Seorang pengarah yang dibelenggu oleh tanggungjawab kepada entiti lain berisiko membuat keputusan yang terjejas.

Kriteria kelayakan yang sesuai menuntut seorang pengarah membuat keputusan dengan pandangan yang jelas dan fikiran yang tidak kabur. Seperti penasihat yang dipercayai kepada seorang pemerintah, mereka perlu memberikan nasihat tanpa perasaan takut atau berat sebelah, supaya tidak membawa syarikat ke laluan yang salah. Kebebasan untuk berfikir dan bertindak adalah penting bagi mengelakkan konflik serta memastikan pengarah berkhidmat untuk kepentingan terbaik syarikat.

Walaupun bukan suatu kesalahan bagi pengarah bebas untuk bertindak apabila bertembung dengan masalah besar, mereka perlu berhati-hati dan mengelak daripada melampaui batasan serta mencampuri bidang kuasa pengurusan. Apabila pengarah bebas terlibat dalam hal-hal berkaitan pengurusan dan operasi, kebebasannya juga akan dipersoalkan, yang mungkin menjejaskan objektiviti pengarah tersebut. Kod tadbir urus korporat menekankan kepentingan pemisahan yang jelas antara pengawasan dan campur tangan. Memelihara keseimbangan kuasa ini adalah penting bagi memupuk budaya korporat yang kukuh serta mewujudkan asas untuk kejayaan yang berkekalan. Kedua-dua lembaga pengarah dan pengurusan perlu menjalankan peranan mereka dengan teliti dan berintegriti, seperti pengawal yang menjaga wilayah mereka.

Namun dalam kes B Berhad, terdapat keraguan yang jelas. Dua pengarah bebas yang mempunyai pertalian darah sama-sama menduduki lembaga pengarah. Seorang daripada mereka memegang lebih daripada 5% saham Syarikat, yang menjadikan beliau sukar untuk memainkan peranan sebagai penimbang tara yang neutral. Jadi, dimanakah kebebasan yang telah diikrarkan? Nasihat apakah yang boleh dipercayai apabila hubungan peribadi dan kepentingan diri terjalin begitu erat dalam urusan tatakelola? Seolah-olah seorang pengawal yang berdiri terlalu dekat dengan pintu yang sepatutnya diawasi oleh mereka, dan pandangan mereka dikaburi oleh harta karun yang tersimpan di dalamnya.

Angin Perubahan: Kitaran Ahli Majlis

Dalam tadbir urus, diputuskan bahawa pengarah tidak boleh menyandang jawatan mereka selama-lamanya. Sebaliknya mereka perlu melepaskan jawatan setiap tiga tahun sekali bagi menyegarkan kebijaksanaan dan memperbaharui perspektif mereka. Kitaran persaraan ini berfungsi sebagai peringatan penting bahawa pemimpin yang paling berpengalaman pun perlu memberi laluan kepada perubahan, membolehkan kemunculan wajah-wajah yang segar yang memberi nafas baharu kepada lembaga. Tambahan pula, Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia menetapkan bahawa tiada pengarah bebas yang boleh memegang jawatan lebih dari sembilan tahun, supaya organisasi tidak terperangkap dalam kebuntuan. Langkah sedemikian memastikan lembaga pengarah kekal bertenaga dan dinamik, bersedia untuk menghadapi cabaran daripada landskap yang sentiasa berubah-ubah. Dengan cara ini, integriti tadbir urus terpelihara, seperti kerajaan yang disegarkan dengan pertukaran pengawal.

Melangkaui Undang-undang Negara

Dalam era yang menyaksikan kesetiaan beralih arah serta pengibaran panji-panji perubahan, mereka yang berpegang kepada pematuhan semata-mata kepada undang-undang negara menempuh laluan yang berbahaya; langkah mereka goyah tatkala bumi di bawah mereka bergeseran. Dunia perniagaan kini semakin mencabar dan seruan untuk piawaian yang lebih tinggi, yang berakar umbi dalam kod sakral ESG (alam sekitar, sosial dan tadbir urus), kini bergema dari setiap sudut. Sebuah syarikat yang hanya mematuhi undang-undang, tidak memahami piawaian global, diibaratkan sebuah teratak yang tidak bersedia untuk menghadapi badai perang besar.

Mematuhi undang-undang semata-mata mungkin memberikan sedikit kelegaan buat sementara waktu, tetapi tanpa memahami piawaian global yang ditempa dalam api kemampuan, tanggungjawab sosial dan tadbir urus, pemerintahan mereka tidak akan bertahan lama. Hanya mereka yang mampu melangkaui kehidupan biasa, di luar kelangsungan hidup semata-mata dan memimpin dengan pandangan yang jauh akan menjadi juara. Yang lain, tanpa wawasan untuk melihat di luar cakerawala, akan ditinggalkan, dilupakan dalam bayangan pemimpin yang lebih kuat dan lebih bijak yang benar-benar memahami hakikat sebenar zaman ini.

Penjaga Tadbir Urus: Menjunjung Piawaian di Setiap Peringkat

Kriteria kelayakan dan kesesuaian tidak hanya terhad kepada bilik lembaga pengarah, malah ia perlu dirasai di seluruh organisasi, daripada pucuk kepimpinan tertinggi hinggalah ke barisan pengurusan kanan. Seumpama sebuah kerajaan yang bergantung kepada kebijaksanaan pemimpinnya, syarikat juga bergantung kepada kualiti pemimpin mereka. Pengurusan kanan, yang bertanggungjawab melaksanakan visi lembaga dan mengharungi cabaran harian dalam pasaran, perlu mencerminkan piawaian integriti, kecekapan dan akauntabiliti yang sama. Kegagalan untuk menerima pakai kriteria ini di semua peringkat boleh menyebabkan struktur tadbir urus yang lemah, yang mana keputusan yang tidak betul memberi kesan negatif kepada semua lapisan dan mengancam asas organisasi itu sendiri. Hanya dengan memastikan setiap pemimpin dalam organisasi memenuhi harapan yang ketat ini, syarikat dapat mengukuhkan diri daripada cabaran yang mungkin timbul serta mengekalkan legasi kekuatan dan daya tahan.

Kesimpulan

Cabaran seorang pengarah tidak terhenti sebaik sahaja memegang jawatan dalam lembaga. Ibarat seorang pengawal yang menjaga pintu, pengarah perlu sentiasa berwaspada, melindungi syarikat daripada ancaman yang jelas dan tersembunyi. Mereka perlu terus membuktikan kelayakan mereka, kerana keadaan pasaran tidak dapat diramalkan. Hanya mereka yang benar-benar layak dan sesuai dapat mengharungi cabaran ini dan meninggalkan legasi tadbir urus yang mantap dan kejayaan yang berterusan. Akhir sekali, ujian kelayakan yang sesuai untuk ahli lembaga pengarah bukan

sekadar suatu permulaan malah ia merupakan komitmen yang berterusan terhadap kecemerlangan dalam kepimpinan korporat.

[TAMAT]

SOROTAN PENTING MSWG

CEO MSWG DIJEMPUT UNTUK BERUCAP DI JERAYAWARA INVESTED

Ketua Pegawai Eksekutif MSWG, Dr Ismet Yusoff, telah dijemput untuk mengambil bahagian dalam Jerayawara InvestEd yang diadakan di Universiti Polytech Malaysia (UPTM) pada 4 Oktober 2024. Acara yang memberikan impak ini merupakan sebahagian daripada inisiatif yang lebih meluas oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Ia dianjurkan oleh Perbadanan Pembangunan Industri Sekuriti (*Securities Industry Development Corporation*, SIDC) dan bertujuan untuk mendidik dan memberikan inspirasi kepada generasi pelapis yang bakal meneraju dunia kewangan.



Berucap di hadapan lebih 200 pelajar, Dr Ismet memberikan penerangan tentang landskap pasaran modal Malaysia yang kian berubah. Beliau menggariskan peranan utama pasaran modal dalam pertumbuhan dan pembangunan ekonomi negara, dengan menekankan kepentingannya kepada pelabur dan syarikat. Dr Ismet juga mengetengahkan perjalanan pasaran modal Malaysia, menjelaskan rangka kerja pengawalseliaannya, kepentingan tadbir urus korporat serta tumpuan yang semakin meningkat terhadap faktor kemampanan dan ESG (Alam sekitar, Sosial dan Tadbir Urus).

Dr Ismet juga berkongsi pandangan tentang isu semasa yang mempengaruhi pasaran modal, termasuk peningkatan jumlah mesyuarat agung yang diadakan secara maya, cabaran dalam tadbir urus korporat serta peningkatan peranan teknologi dan inovasi. Beliau menggalakkan pelajar untuk sentiasa mendapatkan maklumat dan melibatkan diri dengan perkembangan ini, seterusnya meletakkan diri mereka sebagai pemimpin masa depan yang dapat menyumbang kepada pasaran modal yang mampan dan ditadbir dengan baik.



Tinjauan Mingguan AGM/ EGM MSWG untuk tempoh 21 hingga 25 Oktober 2024

Berikut adalah AGM/ EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di www.mswg.org.my

TINJAUAN RINGKAS

Tarikh & masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
23.10.24 (Rabu) 10.00 pagi	Glomac Berhad (AGM)	<p>Pada tahun kewangan 2024, Glomac mencatatkan pendapatan berjumlah RM267.6 juta (tahun kewangan 2023: RM341.0 juta), sebahagian besarnya disumbangkan oleh kemajuan pembinaan yang mengikut jadual daripada projek yang sedang dijalankan di pembangunan perbandaran Saujana KLIA dan Bandar Saujana Utama serta pembangunan kediaman bertingkat 121 Residences di PJ. Perolehan itu juga dikaitkan dengan penyiapan beberapa projek pada tahun kewangan 2023.</p> <p>Kumpulan memperoleh keuntungan sebelum cukai sebanyak RM32.9 juta (tahun kewangan 2023: RM50.5 juta). Keuntungan Kumpulan dipengaruhi oleh kos pembinaan dan perbelanjaan faedah yang lebih tinggi.</p>
23.10.24 (Rabu) 10.00 pagi	Apollo Food Holdings Berhad (AGM)	<p>Walaupun pendapatan agak rendah pada tahun kewangan 2024 (RM255.270 juta) berbanding RM257 juta pada tahun kewangan 2023, keuntungan kasar Apollo Food meningkat kepada RM72.86 juta daripada RM64.56 juta setahun yang lalu. Oleh itu, margin keuntungan kasarnya meningkat daripada 25.12% kepada 28.54%.</p>

Tarikh & masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
		<p>Pengeluar makanan ringan itu menyaksikan kemunculan pemegang saham pengawal baharu pada tahun ini iaitu Scoop Capital Sdn Bhd (SCSB), berikutan pembelian ekuiti daripada Keynote Capital Sdn Bhd. Setakat 1 Ogos 2024, SCSB memegang 74.78% pegangan dalam Apollo Food.</p>
<p>23.10.24 (Rabu) 10.00 pagi</p>	<p>Kelington Group Berhad (EGM)</p>	<p>KGB mencadangkan untuk mengambil alih baki 9.29% kepentingan ekuiti dalam Ace Gases Sdn Bhd (AGSB) dengan harga RM35.7 juta yang akan dipenuhi melalui gabungan tunai berjumlah RM10.1 juta dan RM25.6 juta lagi melalui penerbitan saham biasa baharu dalam KGB pada harga terbitan RM3.3742.</p>
<p>25.10.24 (Jumaat) 10.00 pagi</p>	<p>Pintaras Jaya Bhd (AGM)</p>	<p>Kumpulan mencatatkan kerugian bersih yang lebih tinggi berjumlah RM5.0 juta berbanding dengan RM2.1 juta pada tahun kewangan 2023, seiring dengan pendapatan yang lebih rendah sebanyak RM304.9 juta daripada RM333.1 juta setahun yang lalu.</p> <p>Kerugian Kumpulan sebahagian besarnya direkodkan dalam operasi pembinaan di Malaysia yang disebabkan oleh ganti rugi tertentu yang ditetapkan akibat penyerahan lewat serta peningkatan kos bahan dan kos buruh daripada projek yang dimulakan sewaktu tempoh COVID-19. Bagaimanapun, operasinya di Singapura kekal menguntungkan.</p>
<p>25.10.24 (Jumaat) 10.00 pagi</p>	<p>ES Ceramics Technology Bhd (AGM)</p>	<p>Walaupun mencatatkan pendapatan yang lebih tinggi berjumlah RM368.44 juta pada tahun kewangan 2024, keuntungan ESCERAM merosot sebanyak 97.4% tahun ke tahun kepada RM593,000, daripada RM22.81 juta setahun yang lalu.</p> <p>Keuntungan yang lebih rendah ini sebahagian besarnya disebabkan oleh</p>

Tarikh & masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
		kerugian yang ditanggung dalam bahagian acuan sarung tangan berikutan pendapatan dan margin keuntungan yang lebih rendah tahun ke tahun.

PERKARA PENTING

Syarikat	Perkara/ Isu untuk Diajukan
<p>Glomac Berhad (AGM)</p>	<p>Pendapatan Kumpulan menyusut sebanyak 21.5% daripada RM341.0 juta pada tahun kewangan 2023 kepada RM267.6 juta pada tahun kewangan 2024 manakala keuntungan sebelum cukai Kumpulan juga menyusut sebanyak 34.9% kepada RM32.9 juta pada tahun kewangan 2024 daripada RM50.5 juta pada tahun kewangan 2023. (Halaman 17, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>Projek-projek Kumpulan yang baru dilancarkan masih dalam peringkat pembangunan awal dan belum menyumbang dengan ketara kepada pendapatan Kumpulan pada tahun fiskal ini. (Halaman 50, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Sila terangkan bagaimanakah keadaan di atas menyebabkan Kumpulan melaporkan pendapatan yang jauh lebih rendah pada tahun kewangan 2024?</p> <p>b) Syarikat sepatutnya dapat merancang pelancaran projek hartanahnya bagi memastikan aliran pendapatan yang stabil dan tetap, serta meminimumkan impak daripada turun naik yang meluas dalam pendapatan dan perolehan terhadap keputusan kewangan Syarikat. Sila komen.</p> <p>c) Kumpulan menangguhkan pelancaran projek hartanah baharu pada tahun kewangan 2024. Adakah penangguhan ini disebabkan oleh inventori yang tinggi bagi unit hartanah siap yang belum terjual berjumlah RM112 juta pada tahun kewangan 2024? Sila komen.</p> <p>d)</p>
<p>Apollo Food Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>1. Pihak Pengurusan telah menggariskan fokus berikut untuk tahun kewangan 2024:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Meningkatkan kecekapan dan memanfaatkan jenama Kumpulan yang kukuh bagi membangunkan pasaran eksport dan segmen pelanggan baharu. - Merasionalkan ruang pembuatan, meningkatkan automasi dan pendigitalan untuk mengoptimumkan produktiviti dan kecekapan secara keseluruhan. - Menambah baik usaha pengedaran dan pemasaran bagi mencapai penembusan pasaran yang lebih mendalam <p>a) Apakah pasaran eksport baharu yang ingin diterokai oleh Syarikat? Sila jelaskan potensi dan prospek pasaran ini.</p>

Syarikat	Perkara/ Isu untuk Diajukan
	<p>b) Setakat 30 April 2024, Apollo Food mempunyai enam bangunan kilang yang berfungsi sebagai pejabat korporat, kilang pengeluaran kek dan wafel serta gudang (Halaman 110, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>i) Kilang manakah yang dipilih untuk pelaksanaan rasionalisasi, automasi dan pendigitalan operasi? Apakah tahap automasi semasa kilang-kilang pengeluaran Apollo Food, mengikut peratusan dan proses?</p> <p>ii) Adakah pelaksanaan ini akan mengakibatkan pengurangan yang ketara dalam tenaga kerja yang diperlukan? Sejauh manakah Kumpulan mengguna pakai automasi dan teknologi bagi mengurangkan pergantungannya terhadap buruh manual?</p> <p>iii) Berapakah anggaran perbelanjaan modal untuk melaksanakan tindakan itu? Apakah hasil yang boleh diukur daripada pelaksanaan ini?</p> <p>c) Sementara itu, apakah cabaran yang biasanya dihadapi oleh Kumpulan dalam usaha pengedaran dan pemasaran produk? Bagaimanakah Kumpulan menangani isu ini?</p> <p>2. Pasaran tempatan menyumbang 74.18% daripada jumlah pendapatan Apollo Food pada tahun kewangan 2024, berbanding 68.36% pada tahun kewangan 2023. Sementara itu, pendapatan daripada rantau ASEAN (tidak termasuk Malaysia) menyusut sebanyak 18.72% tahun ke tahun kepada RM61.53 juta daripada RM75.71 juta setahun yang lalu (halaman 88, Laporan Tahunan 2024). Segmen Lain-lain juga mencatatkan pendapatan yang lebih rendah sebanyak RM4.36 juta berbanding dengan RM5.58 juta setahun yang lalu.</p> <p>a) Mengapakah terdapat penurunan mendadak dalam pendapatan eksport ke rantau ASEAN (tidak termasuk Malaysia) pada tahun kewangan 2024? Adakah penurunan ini menjadi kebimbangan khusus bagi Kumpulan?</p>

Syarikat	Perkara/ Isu untuk Diajukan
	<p>b) Apakah negara ASEAN utama yang menjadi pengimport produk Apollo Food? Bagaimanakah peningkatan Ringgit Malaysia secara beransur-ansur berbanding Dolar AS mempengaruhi perdagangan dengan negara-negara ini? Bagaimanakah prospek pendapatan daripada eksport ke rantau ASEAN (tidak termasuk Malaysia) untuk tahun kewangan 2025?</p> <p>c) Merujuk kepada jawapan yang disediakan untuk Soalan 2(a), bagaimanakah pengembangan ke pasaran baharu akan meningkatkan prestasi eksport secara keseluruhan? Dalam jangka panjang, apakah nisbah ideal antara pendapatan daripada dalam negara dengan pendapatan eksport?</p> <p>d)</p>
Pintaras Jaya Bhd (AGM)	<p>Kerugian sebelum cukai untuk segmen pembinaan meningkat kepada RM20 juta, berbanding kira-kira RM5 juta pada tahun kewangan sebelumnya. Kerugian dicatatkan terutamanya dalam operasi Malaysia, manakala operasi Singapura kekal menguntungkan. Faktor utama yang menyumbang kepada kerugian di Malaysia ialah ganti rugi tertentu dan ditetapkan akibat penyerahan lewat serta peningkatan kos bahan dan kos buruh daripada projek yang dimulakan sewaktu tempoh COVID-19. Projek-projek ini pada dasarnya telah siap (Halaman 39, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>a) Berapakah jumlah keuntungan atau kerugian sebelum cukai bagi operasi Malaysia dan Singapura, tidak termasuk keuntungan atau kerugian nilai saksama ke atas aset kewangan, pada tahun kewangan 2024?</p> <p>b) Berapakah jumlah ganti rugi tertentu dan ditetapkan yang diiktiraf dalam tahun kewangan 2024? Adakah Kumpulan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kelewatan tersebut, dan adakah terdapat kemungkinan untuk menuntut atau mendapatkan semula kos ini?</p> <p>c) Pendapatan daripada operasi Malaysia telah menyusut dengan ketara kepada hanya RM886k daripada RM40.1 juta pada tahun sebelumnya kerana Kumpulan memberikan tumpuan untuk menyiapkan projek warisan yang tidak menguntungkan. Memandangkan projek-projek ini pada dasarnya telah siap, apakah strategi dan tumpuan untuk operasi Malaysia pada tahun kewangan 2025?</p>

Syarikat	Perkara/ Isu untuk Diajukan
	<p>d) Berapakah anggaran pendapatan yang diperlukan oleh operasi Malaysia untuk mencapai pulang modal, dengan mengandaikan margin keuntungan yang konservatif dalam menghadapi persaingan yang sengit? Adakah Lembaga menjangkakan operasi Malaysia akan pulang modal pada tahun kewangan 2025?</p> <p>e)</p>
<p>ES Ceramics Technology Bhd (AGM)</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li data-bbox="539 539 1437 730">1. Bahagian bahan binaan menyumbang lebih 90% daripada pendapatan Kumpulan. Justeru, apakah peluang pertumbuhan yang dilihat oleh Syarikat dalam segmen ini, terutamanya dengan pembangunan pusat data dan projek infrastruktur di Malaysia? <li data-bbox="539 775 1437 1043">2. Bahagian bahan binaan mencatatkan keuntungan sebelum cukai (<i>profit before tax</i>, PBT) sebanyak RM12.58 juta dengan margin PBT kira-kira 3.68% bagi tahun kewangan berakhir 2024. Sementara itu, bahagian tersebut mengalami kerugian rosot nilai ke atas penghutang sebanyak RM6.52 juta. Pada 31 Mei 2024, penghutang perdagangan Kumpulan berjumlah RM95.93 juta (selepas ditolak kerugian rosot nilai). <p data-bbox="603 1088 1437 1357">Berdasarkan pernyataan di atas dan berlatarkan cabaran yang timbul akibat turun naik kos bahan dan rasionalisasi harga diesel, adakah Syarikat mempertimbangkan sebarang pelarasan kepada polisi kreditnya bagi mengurangkan potensi risiko kredit? Sila berikan justifikasi sama ada Syarikat sedang mempertimbangkan pelarasan ini atau sebaliknya.</p>

18 NOVEMBER 2024 | MONDAY
9.00 AM - 5.00 PM
AVANTÉ HOTEL, PETALING JAYA



Registration Fee
RM1800

Early Bird
(Before 16 August 2024)
RM1600

Group of 2
or more
RM1600

All prices are subject to any applicable government tax.

All MSWG subscribers enjoy special rate for registration.

Please contact us for more details.

Register now



Scan the QR code
or click here

For more info, please contact:

Khalidah Khalil

+6017 630 0754

khalidah@mswg.org.my

Minority Shareholders Watch Group

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad (20 0001022382)

Level 23-2, Menara AIA Sentral
No.30, Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur, Malaysia

+603 2732 0010

www.mswg.org.my



Understanding the new National Sustainability Reporting Framework

Learn how the new requirements of IFRS S1 and IFRS S2 impact your corporate reporting obligations

Programme Overview

On 24 September 2024, the Securities Commission Malaysia announced implementation of the National Sustainability Reporting Framework (NSRF). It mandates IFRS Sustainability Disclosure Standards for listed and large non-listed companies. The framework aims to enhance transparency, accountability, and business resilience, aligning with the nation's sustainability goals. Compliance will be phased, starting in 2025 for large Main Market issuers, extending to others by 2027. Climate disclosures, aligned with TCFD recommendations are fully integrated into the ISSB standards.

Part 1 | 9:00 am - 10:30 am

Developments in the International Sustainability Reporting Landscape

- Commonly Adopted Sustainability Reporting Frameworks
- How the ISSB was Formed and Global Adoption Trends
- Adoption of the ISSB Standards in a Phased Manner for Malaysia
- Design and Applicability of the Standards:
 - IFRS S1 - General Requirements for Disclosure of Sustainability-Related Financial Information
 - IFRS S2 - Climate-Related Disclosures
- Future Developments in the Pipeline

Part 3 | 2:00 pm - 3:30 pm

IFRS S2 - Climate-Related Disclosures

- TCFD 101 as a Foundational Base for ISSB S2
 - Climate Risks: Physical and Transition Risks
 - Governance, Strategy, Risk Management, Metrics and Targets
- IFRS S2
 - Objective, Scope, Core Content, Application Guidance

Part 2 | 11:00 am - 12:30 pm

IFRS S1 - General Requirements for Disclosure of Sustainability-Related Financial Information

- Objective & Scope
- Conceptual Foundations
 - Materiality
 - Reporting Entity
- Sources of Guidance
 - SASB Standards
 - GRI
 - ESRS
- Statement of Compliance
- Treatment of Errors

Part 4 | 3:45 pm - 5:00 pm

Reliefs - Proportionality and Scalability Mechanism, Transitioning to an ISSB Report and Other Developments

- Without Undue Cost or Effort
- Consideration of Skills, Capabilities and Resources
- What Would an ISSB Report Look Like Versus the Current Sustainability Report Format(s)
- Assurance of Sustainability Report

Trainer's Profile

San Mei Kim

Mei Kim is a sustainability trainer. Prior to this, she was the former Sustainability Lead, Corporate Governance and Sustainability with the Regulation function at Bursa Malaysia. She co-led the development of key sustainability-related initiatives for the Malaysian capital market. This includes putting in place enhancements to Bursa Malaysia's Sustainability Reporting Framework (consisting of the listing requirements, sustainability reporting guides and related toolkits) as well as capacity building initiatives for public listed companies.

She is a GRI Certified Sustainability Professional and holds a Master in Sustainable Development Management from the Jeffrey Sachs Centre (Sunway University). She is also a member of the Association of Chartered Certified Accountants (ACCA), Association of Certified Fraud Examiners (ACFE) and the Malaysian Institute of Accountants (MIA).

